



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 25 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **579 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **17,134 kes** (64.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (288 kes);
- Selangor (93 kes);
- Pulau Pinang (89 kes);
- Kedah (81 kes);
- Perak (15 kes);
- WP Labuan (5 kes);
- WP Kuala Lumpur & Putrajaya (4 kes);
- Negeri Sembilan (2 kes);
- Melaka (1 kes); dan
- Sarawak (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, bilangan kes baharu di negeri Sabah adalah 533 kes (64.8 peratus) daripada keseluruhan kes dilaporkan hari ini. Jumlah ini menunjukkan penurunan kes sebanyak 356 kes (40 peratus) berbanding jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di negeri Sabah semalam. Ini berikutan jumlah kes baharu yang dicatatkan daripada Penjara Kepayan, Kota Kinabalu telah menurun daripada 434 kes baharu semalam, kepada 67 kes baharu pada hari ini.

Walau bagaimanapun, jumlah ini masih tinggi berbanding negeri-negeri lain. Usaha gigih mengesan lebih banyak kes akan diteruskan di seluruh negeri Sabah yang kini mempunyai 17 daerah merah. Buat masa ini kapasiti di sembilan (9) buah hospital KKM di Sabah adalah 1,219 katil (kadar penggunaan 59 peratus). Manakala, kapasiti di 25 buah Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) adalah 4,505 katil (kadar penggunaan 35 peratus).

Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 99 kes (12 peratus dari jumlah keseluruhan kes). Daripada 99 kes baharu, 44 kes (44.4 peratus) adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu. Untuk makluman, negeri-negeri ini dan juga negeri Sabah masih di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sejumlah 162 kes (19.7 peratus dari jumlah keseluruhan) pada hari ini adalah daripada Kluster Seberang Perai, Kluster Penjara Penjara Kepayan dan Kluster Tembok. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Sebanyak satu (1) kes merupakan pengunjung yang pulang dari negeri Sabah, yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke negeri Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 469 kes.

Secara keseluruhannya, sehingga 25 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **823 kes baharu** telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **26,565 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan COVID-19 adalah 9,202 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan kesemua 823 kes baharu pada hari ini adalah kes penularan COVID-19 dalam negara. Perincian kes bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

- **Sabah: 533 kes**

- 160 kes daripada kluster-kluster, termasuk 27 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Titir, Kluster Omadal, Kluster Bandaran dan Kluster Jambul**;
- 270 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 103 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 97 kes**

- 96 kes daripada kluster-kluster termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bayan**; dan
- Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Selangor: 88 kes**

- 39 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Mentari**;

- 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 26 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 22 kes**
 - 13 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jernih**;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: 16 kes**
 - Tujuh kes daripada kluster-kluster termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Seladah**; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 15 kes**
 - 14 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 10 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu**: **Tujuh (7) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Makekar**.
- **Perak**: **Enam (6) kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah**: **Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Kelantan**: **Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya**: **Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada. Sehingga kini, terdapat **99 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **30 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **lapan (8) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **229 kes** (0.86 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
222	12863	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Duchess of Kent	-

223	15329	Sabah	Lelaki (WN)	59	Hospital Queen Elizabeth	-
224	14023	Sabah	Perempuan (WN)	70	Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis
225	22032	Sabah	Lelaki (WN)	58	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia
226	24224	Sabah	Lelaki (WN)	34	Hospital Tawau	Obesiti dan sindrom apnea tidur obstruktif
227	26273	Sabah	Perempuan (WN)	74	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi dan tibi paru-paru
228	26274	Sabah	Lelaki (WN)	68	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi, dislipidemia dan gout
229	26275	Sabah	Perempuan (WN)	80	Hospital Duchess of Kent	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

SEMBILAN (9) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **sembilan (9) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER TITIR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Keningau di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-20232) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sendiri pada 18 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Keningau.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 23 individu telah disaring dan dikesan positif COVID-19 (**12 kes baharu**).

2) KLUSTER OMADAL

Kluster baharu ini melibatkan daerah Semporna di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-21073) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 18 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin PPR Bubul Ria, Semporna. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 20 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 188 individu telah disaring, di mana:

- 21 kes dikesan positif COVID-19 (**9 kes baharu**); dan
- 167 individu negatif.

3) KLUSTER BANDARAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18471) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 41 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**); dan
- 29 kes dikesan negatif.

4) KLUSTER JAMBUL

Kluster baharu ini melibatkan daerah Sandakan di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-14932) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 9 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 30 individu telah disaring, di mana:

- 8 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- 20 individu negatif; dan
- 2 individu masih menunggu keputusan.

5) KLUSTER BAYAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara, Barat Daya dan Timur Laut di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-22930) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 21 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti lima (5) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 216 individu telah disaring, di mana:

- 6 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);
- 60 individu negatif; dan
- 150 individu masih menunggu keputusan.

6) KLUSTER MENTARI

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling, Klang dan Gombak di negeri Selangor, daerah Seremban di Negeri Sembilan dan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-24394) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 22 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 16 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 93 individu telah disaring, di mana:

- 17 kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**); dan
- 10 kes dilaporkan negatif; dan
- 66 individu masih menunggu keputusan.

7) KLUSTER JERNIH

Kluster baharu ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-24435 hingga kes ke-24438) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal pada 22 Oktober 2020 dan mereka telah dimasukkan ke Hospital Rembau. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 76 individu telah disaring, di mana:

- 15 kes dikesan positif COVID-19 (**11 kes baharu**); dan
- 61 individu masih menunggu keputusan.

8) KLUSTER SELADAH

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kuching dan Serian, negeri Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-24448) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 22 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti enam (6) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 18 individu telah disaring, di mana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- Empat (4) individu dikesan negatif; dan
- Tujuh (7) individu masih menunggu keputusan

9) KLUSTER MAKEKAR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai di negeri Johor, daerah Kemaman dan Dungun, Kuala Terengganu dan Marang di negeri Terengganu serta daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-23800) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 18 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti sembilan (9) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 132 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**8 kes baharu**);
- 106 individu dikesan negatif COVID-19; dan
- 16 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;

- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

25 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 25 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	533	11,818
SELANGOR	88	3,968
W.P. KUALA LUMPUR	10	2,949
KEDAH	1	2,045
NEGERI SEMBILAN	22	1,312
JOHOR	15	867
SARAWAK	16	796
PULAU PINANG	97	851
PERAK	6	465
PAHANG	0	392
MELAKA	0	308
W.P. LABUAN	26	264
KELANTAN	1	179
TERENGGANU	7	173
W.P. PUTRAJAYA	1	140
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	823	26,565

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(25 Oktober 2020)**

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	94	198	2,895	171 (2)	27	0
2	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu	67	1,223	2,679	1220 (0)	3	0
3	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	28	241	767	114 (1)	127	0
4	Saguking	WP Labuan	Labuan	16	106	1,735	105 (0)	0	1
5	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai	14	22	211	22 (0)	0	0
6	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	10	107	880	104 (0)	3	0

7	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	6	373	3,112	209 (0)	162	2
8	Surat	Sabah	Sandakan	6	44	174	17 (0)	27	0
9	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk	6	23	276	21 (0)	2	0
10	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	6	13	171	12 (0)	0	1
11	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson	5	70	1,974	42 (0)	28	0
12	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	5	35	316	30 (0)	3	2
13	Mesra	Sabah	Sandakan	5	27	116	20 (0)	6	1
14	Megah	Sabah	Sandakan	5	20	67	12 (0)	7	1

15	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor, WP Putrajaya, Kelantan	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru, Putrajaya, Tanah Merah	4	79	1,128	57 (0)	22	0
16	Long	Selangor, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	4	26	459	26 (0)	0	0
17	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa	3	217	887	51 (0)	166	0
18	Hentian	Selangor	Hulu Langat	3	65	1,486	63 (0)	2	0

19	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	3	50	794	43 (0)	7	0
20	Basung	Sabah	Kudat	3	29	644	29 (0)	0	0
21	Baki	Sarawak	Kuching	3	8	96	8 (0)	0	0
22	Tanamera	Sabah	Tawau	2	59	101	38 (0)	21	0
23	Kaya	Negeri Sembilan, WP Putrajaya	Seremban, Putrajaya	2	57	63	57 (0)	0	0
24	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	2	27	713	18 (0)	9	0
25	Kolong	Sabah	Keningau	2	12	284	3 (0)	9	0

26	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	1	1,663	7,626	614 (4)	1046	3
27	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	1	76	477	8 (0)	68	0
28	Kasih	Sabah	Lahad Datu, Kota Kinabalu	1	70	2,998	21 (0)	49	0
29	Tinusa	Sabah	Sandakan	1	34	589	34 (0)	0	0
30	Keladi	Selangor	Klang	1	33	226	13 (0)	20	0
31	Alma	Pulau Pinang, Perak	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan,	1	29	478	28 (1)	1	0

Seberang Perai Utara, Kerian									
32	Bestari	Sabah	Sandakan	1	28	61	11 (0)	17	0
33	Baiduri	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai	1	22	331	5 (0)	17	0
34	Samudera	Sabah	Sandakan	1	9	9	8 (0)	1	0